

**NO. SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[INDERA MAHKOTA]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8622**

**SOALAN:**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan anggaran Kerajaan atas jumlah  
Pendatang Asing Tanpa Izin yang berada di dalam negara kita. Sila  
nyatakan pecahan mengikut kewarganegaraan dan jantina mereka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2015, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan sebanyak 10,469 operasi di mana seramai 262,680 orang warga asing telah diperiksa. Dari jumlah tersebut, seramai 59,734 orang warga asing telah dikenalpasti melakukan pelbagai kesalahan imigresen iaitu 42,233 orang lelaki dan 17,501 orang perempuan. Secara umumnya, kebanyakan PATI ini adalah terdiri daripada warganegara iaitu dari Filipina, Indonesia dan Bangladesh mengikut pecahan seperti berikut:**

Warganegara	PATI				Jumlah PATI
	L	P	KKL	KKP	
Filipina	7,810	5,463	1,498	1,514	16,285
Indonesia	10,027	5,407	271	246	15,951
Bangladesh	9,135	37	2	4	9,178
Jumlah	40,303	15,604	1,930	1,897	59,734

\*\*\* KKL/KKP = Kanak-kanak Lelaki/ Kanak-kanak Perempuan